

BAB 7

TRANSAKSI BURSA SBL

7.1 PIHAK-PIHAK YANG MEMASUKI TRANSAKSI BURSA SBL

Hanya Peserta Bursa SBL boleh memasuki Transaksi Bursa SBL tertakluk pada pematuhan kepada kehendak yang relevan yang ditetapkan dalam Kaedah ini.

7.2 PERMOHONAN MENJADI PESERTA PEMINJAMAN ATAU PEMBERI PINJAM

Mana-mana orang yang ingin menjadi Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam hendaklah:

- (a) menyerahkan permohonan dan aku janji lengkap yang dilaksanakan sewajarnya dalam bentuk yang ditetapkan menerusi Ejen Peminjaman kepada Pusat Penjelasan; dan
- (b) mematuhi semua kehendak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan untuk Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah ini, Syarat SBL atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan Bursa SBL.

7.3 PERMOHONAN UNTUK MENJADI PEMINJAM

Untuk menjadi Peminjam, seseorang hendaklah:–

- (a) menjadi Peserta Penjelasan Dagangan yang berada dalam satu daripada kategori orang yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan yang layak untuk menjadi Peminjam;
- (b) menyerahkan permohonan dan aku janji lengkap yang dilaksanakan sewajarnya dan dalam bentuk yang ditetapkan kepada Pusat Penjelasan;
- (c) mematuhi semua kehendak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan bagi Peminjam sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah ini, syarat SBL atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan Bursa SBL; dan
- (d) mematuhi Kaedah 7.20 Kaedah-Kaedah Bursa seolah-olah Organisasi Penyertaan yang dirujuk dalam Kaedah tersebut.

7.4 BUDI BICARA PUSAT PENJELASAN

Pusat Penjelasan boleh melaksanakan budi bicara ke atas kelulusan permohonan untuk menjadi Peserta Bursa SBL dan boleh meluluskan atau menolak permohonan sedemikian sebagaimana yang difikirkan sesuai. Pusat Penjelasan boleh juga meluluskan permohonan tanpa syarat atau tertakluk pada syarat sedemikian, sebagaimana yang difikirkan sesuai.

7.5 PINJAMAN DAN PEMINJAMAN OLEH PESERTA BURSA SBL

- (a) Peserta Penjelasan yang merupakan Peserta Penjelasan Dagangan boleh meminjam Sekuriti yang Layak daripada:

- (i) Pusat Penjelasan menerusi Transaksi Bursa SBL sama ada untuk sendiri atau pelanggannya; atau
 - (ii) Untuk pelanggannya dengan syarat pinjaman sedemikian adalah semata-mata untuk tujuan meminjamkan Sekuriti sedemikian kepada Pusat Penjelasan menerusi Transaksi Bursa SBL.
- (b) Peserta Penjelasan boleh meminjamkan Sekuriti yang Layak kepada:-
- (i) Pusat Penjelasan menerusi Transaksi Bursa SBL sama ada untuk sendiri atau pelanggannya; atau
 - (ii) Untuk pelanggannya dengan syarat Peserta Penjelasan ialah Peserta Penjelasan Dagangan dan Sekuriti yang Layak yang dipinjamkan ialah Sekuriti yang telah dipinjam daripada Pusat Penjelasan menerusi Transaksi Bursa SBL semata-mata untuk tujuan peminjaman kepada pelanggan sedemikian.
- (c) Pinjaman dan peminjaman Sekuriti yang Layak oleh Peserta Penjelasan yang dirujuk dalam Kaedah 7.5 hanya boleh dilakukan tertakluk pada kehendak sedemikian sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah ini, Syarat SBL atau yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Bursa SBL (sekiranya terpakai).
- (d) Untuk mengelakkan keraguan, dalam mana-mana keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 7.5(a) atau Kaedah 7.5(b) di atas, Peminjam atau Pemberi Pinjam hendaklah bertindak sebagai prinsipal bagi Transaksi Bursa SBL.

7.6 TUJUAN PINJAMAN SEKURITI

- (a) Mana-mana Peminjam boleh meminjam Sekuriti yang Layak hanya untuk mana-mana satu tujuan yang berikut tertakluk pada kehendak sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan:
- (i) untuk melicinkan penyelesaian Penjualan Singkat Dikawal Selia dalam Sekuriti yang Layak yang dilaksanakan menurut Kaedah-Kaedah Bursa;
 - (ii) untuk melicinkan penyelesaian jualan Sekuriti yang Layak sekiranya tiada Sekuriti atau Sekuriti tidak mencukupi dalam akaun sekuriti penjual yang akan membolehkan penjual memenuhi obligasi penyerahan kepada pembeli (menurut Kaedah-Kaedah Bursa yang berkaitan dengan penyerahan dan penyelesaian) disebabkan kesilapan yang bagaimana jua pun yang dilakukan apabila melaksanakan jualan dengan sentiasa menjadi syarat bahawa kesalahan tersebut dilakukan dengan niat baik dan ditemui hanya selepas jualan telah dilaksanakan;
 - (iii) untuk melicinkan penyelesaian Jualan Singkat Dibenarkan dalam Sekuriti yang Layak yang dilaksanakan menurut Kaedah-Kaedah Bursa; atau
 - (iv) bagi tujuan lain yang seumpamanya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dalam perundingan dengan Suruhanjaya Sekuriti.
- (b) Untuk tujuan subkaedah (a), melainkan konteksnya menghendaki yang selainnya –
- (i) “Jualan Singkat Dibenarkan” merujuk jualan singkat Sekuriti yang Layak yang dilaksanakan sebagai “Jualan Singkat Dibenarkan” menurut Kaedah-Kaedah Bursa; dan
 - (ii) “Penjualan Singkat Dikawal Selia” hendaklah mempunyai maksud yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan tersebut dalam Kaedah-Kaedah Bursa.

7.7 KELULUSAN SEBAGAI EJEN PEMINJAMAN

- (a) Peserta Penjelasan yang memohon kelulusan untuk bertindak sebagai Ejen Peminjaman hendaklah:
 - (i) memenuhi kehendak Kaedah 7.8(c) yang berikut;
 - (ii) memohon kepada Pusat Penjelasan untuk diluluskan sebagai Ejen Peminjaman untuk Transaksi Bursa SBL; dan
 - (iii) menyerahkan kepada Pusat Penjelasan perakuan bertulis dalam bentuk yang ditetapkan dalam Lampiran 1 bersama-sama dengan permohonannya sebagaimana yang dirujuk di atas.
- (b) Tanpa menjejaskan kuasa yang diberikan kepada Pusat Penjelasan dalam Kaedah 2.11 berhubung dengan pelaksanaan pemeriksaan ke atas Peserta Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa dan/atau dari semasa ke semasa sebelum atau selepas penerimaan perakuan yang ditetapkan dalam Lampiran 1, melakukan apa-apa pemeriksaan dan/atau audit ke atas Peserta Penjelasan yang ingin mendapatkan kelulusan untuk bertindak sebagai Ejen Peminjaman dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Pusat Penjelasan boleh, apabila meluluskan apa-apa permohonan yang dibuat oleh Peserta Penjelasan menurut Kaedah 7.7(a), menghendaki atau mensyaratkan sedemikian sebagaimana yang disifatkan perlu untuk memastikan operasi Transaksi Bursa SBL yang licin.
- (d) Tanpa mengambil kira dan tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan lain dalam Bab ini, Pusat Penjelasan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan bagi meluluskan permohonan setiap Peserta Penjelasan untuk menjadi Ejen Peminjaman.
- (e) Peserta Penjelasan yang telah diluluskan untuk bertindak sebagai Ejen Peminjaman hendaklah bertindak sebagai ejen bagi Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam yang sewajarnya apabila melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 7.8(a) dan sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (f) Peserta Penjelasan tidak seharusnya melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 7.8(a) bagi mana-mana Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam, sebagai ejennya, melainkan telah diluluskan terlebih dahulu sebagai Ejen Peminjaman dan telah menandatangani perjanjian bertulis dengan Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam sedemikian untuk dilantik sebagai Ejen Peminjamannya, dengan perjanjiannya hendaklah termasuk perkara-perkara yang ditetapkan dalam Lampiran 2.

7.8 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB EJEN PEMINJAMAN BAGI TRANSAKSI BURSA SBL

- (a) Peserta Penjelasan yang diluluskan dan dilantik sebagai Ejen Peminjaman bagi Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam hendaklah, antara lain, mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang berikut:
 - (i) Untuk memproses permohonan mana-mana orang yang memohon untuk menjadi Peserta Peminjaman (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta Peminjaman Tersebut" dalam Kaedah ini);
 - (ii) Untuk melaksanakan dengan berkesan apa-apa arahan, direktif atau perintah yang diberikan oleh Peserta Peminjaman Tersebut atau Pemberi Pinjam (selepas ini dirujuk sebagai "Pemberi Pinjam Tersebut" dalam Kaedah ini)

yang termasuklah, *inter alia*, memasukkan data Faedah Peminjaman ke dalam Sistem Bursa SBL;

- (iii) Untuk menghantar atau mengemukakan kepada Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam Tersebut apa-apa pemberitahuan atau maklumat terkini yang dikomunikasikan oleh Pusat Penjelasan menerusi Sistem Bursa SBL yang berkaitan dengan transaksi yang diikat oleh Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam Tersebut yang berkaitan dengan Bursa SBL (selain daripada notis yang bersangkutan dengan pengeluaran pemberitahuan yang dibuat oleh penerbit Sekuriti yang terkandung dalam Sekuriti Diberi Pinjam bagi apa-apa tindakan yang diambil oleh penerbit sedemikian yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Sekuritinya termasuklah pembayaran dividen, pengeluaran bonus sekuriti serta hak dan kepentingan lain yang bersangkutan dengan Sekuritinya, penstrukturan semula modal dan penggabungan Sekuriti) atau yang diterima oleh Ejen Peminjaman daripada Pusat Penjelasan bagi maklumat tentang Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam Tersebut, termasuklah tetapi tidak terhad pada, perkara-perkara yang sedemikian yang berkaitan dengan apa-apa kelulusan Faedah Peminjaman, panggilan balik Sekuriti Diberi Pinjam, kelayakan yang diterima atau yang akan diterima oleh Pemberi Pinjam Tersebut yang timbul daripada apa-apa tindakan korporat yang berkaitan dengan Sekuriti Diberi Pinjam menurut Syarat SBL;
- (iv) Untuk mengumpulkan semua Dokumen, borang, invois, perjanjian, surat ikatan termasuk apa-apa pindaan atau variasi daripadanya yang berkaitan dengan atau yang mengawal Bursa SBL sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa, daripada Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam Tersebut untuk penyerahan kepada Pusat Penjelasan dan daripada Pusat Penjelasan untuk penghantaran kepada Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam Tersebut;
- (v) Untuk menerima dalam akaun bank tertentu Ejen Peminjaman, apa-apa fi, caj atau pendapatan yang timbul berkaitan dengan apa-apa Sekuriti Diberi Pinjam yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar oleh Pusat Penjelasan kepada Pemberi Pinjam Tersebut yang bersangkutan dengan Bursa SBL dan untuk membayar kepada Pemberi Pinjam Tersebut fi, caj atau pendapatan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa yang telah dikreditkan ke dalam akaun bank tertentu Ejen Peminjaman oleh Pusat Penjelasan tertakluk pada penolakan apa-apa fi dan caj, sebagaimana yang dipersetujui antara Pemberi Pinjam Tersebut dengan Ejen Peminjaman, dan untuk memungut daripada Pemberi Pinjam Tersebut dan membayar kepada Pusat Penjelasan, apa-apa fi dan caj yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar oleh Pemberi Pinjam Tersebut kepada Pusat Penjelasan yang bersangkutan dengan Bursa SBL sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa tanpa apa-apa penolakan atau tolak selesai;
- (vi) Untuk membekalkan kepada Pusat Penjelasan maklumat atau Dokumen sedemikian yang berkaitan dengan Bursa SBL dan nasihat, pernyataan dan laporan sedemikian tentang operasi transaksi yang berkaitan dengan Bursa SBL pada masa sedemikian dan dalam cara sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan;
- (vii) Untuk melaksanakan dengan berkesan apa-apa arahan, direktif atau perintah yang diberikan oleh Pusat Penjelasan bagi melicinkan apa-apa transaksi oleh Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam yang berkaitan dengan Bursa SBL atau Syarat SBL; dan
- (viii) Fungsi dan tanggungjawab lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

- (b) Pusat Penjelasan boleh, melalui notis yang diberikan kepada Peserta Penjelasan dari semasa ke semasa, meminda, mevariasikan atau mengubah suai fungsi dan tanggungjawab Peserta Penjelasan yang berkaitan dengan Bursa SBL.
- (c) Peserta Penjelasan yang ingin mendapatkan kelulusan untuk bertindak sebagai Ejen Peminjaman atau yang diluluskan untuk bertindak sebagai Ejen Peminjaman hendaklah memastikan bahawa pada setiap masa, sistem keperluan, prasarana, kefungisian dan kawalan prestasi bagi fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah 7.8(a) telah disediakan.
- (d) Dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Kaedah 7.8(a) bagi pihak Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam Tersebut, Peserta Penjelasan yang diluluskan sebagai Ejen Peminjaman hendaklah mematuhi tatacara atau kehendak sebagaimana yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

7.9 CAPAIAN KEPADA SISTEM BURSA SBL

- (a) Apabila permohonan untuk menjadi Ejen Peminjaman atau Ejen Pemberi Pinjaman yang dibuat menurut Kaedah 7.7(a) diluluskan, Peserta Penjelasan hendaklah diberikan capaian kepada Sistem Bursa SBL untuk melaksanakan apa-apa fungsi dan tanggungjawab sebagai Ejen Peminjaman atau Ejen Pemberi Pinjaman yang berkaitan dengan Bursa SBL.
- (b) Peserta Penjelasan sedemikian hendaklah mematuhi apa-apa syarat atau kehendak yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan capaian kepada atau penggunaan Sistem Bursa SBL.

7.10 AKAUN SEKURITI YANG DITENTUKAN

Peminjam hendaklah memastikan bahawa semua Sekuriti Diberi Pinjam dipegang dalam dan sekiranya relevan, dipindahkan kepada, akaun sekuriti yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dan bukan akaun sekuriti lain.

7.11 TINDAKAN OLEH PUSAT PENJELASAN

- (a) Pusat Penjelasan boleh melaksanakan apa-apa kuasa yang ditetapkan di bawah Kaedah 7.11(b) dengan serta-merta tanpa merujuk Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman selanjutnya:
 - (i) jika Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman melakukan pelanggaran mana-mana syarat atau kehendak yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL;
 - (ii) jika Pusat Penjelasan menetapkan dengan menurut budi bicara mutlaknya bahawa Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman tidak dapat menjalankan mana-mana Transaksi Bursa SBL disebabkan apa-apa keadaan termasuklah kebangkrapan dan pencairan;
 - (iii) jika Pusat Penjelasan menetapkan bahawa Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman berkemungkinan mengakibatkan kemudaratan kepada Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman lain hasil pelanggaran mana-mana kehendak atau obligasi yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL; atau
 - (iv) dalam apa-apa keadaan sedemikian yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan melalui perundingan dengan Suruhanjaya Sekuriti.

- (b) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa Pusat Penjelasan yang terkandung dalam Akta, Kaedah ini atau mana-mana direktif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa, tindakan yang boleh diambil oleh Pusat Penjelasan apabila berlakunya mana-mana kejadian yang dinyatakan dalam Kaedah 7.11(a) termasuklah satu atau lebih daripada yang berikut:
- (i) melarang Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman daripada memasuki mana-mana atau semua Transaksi Bursa SBL baharu dan/atau Transaksi yang dihasratkan di bawah apa-apa direktif, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL;
 - (ii) menggantung atau menamatkan Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman sebagai Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman;
 - (iii) memberitahu semua Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman akan penggantungan atau penamatan mana-mana Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman; atau
 - (iv) menahkakan aktiviti atau akses Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman kepada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL berdasarkan terma sedemikian dan bagi tempoh sedemikian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan menurut budi bicara mutlaknyanya.
- (c) Apabila tindakan telah diambil di bawah Kaedah 7.11(b), Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman boleh membuat representasi kepada Pusat Penjelasan bagi menamatkan tindakan yang diambil. Selepas representasi dibuat, Pusat Penjelasan boleh menamatkan tindakan yang telah diambil. Walau bagaimanapun, hakikatnya penamatan tindakan sedemikian tidak seharusnya ditafsirkan sebagai peninggalan atau kesilapan yang apa-apa jenis pun di pihak Pusat Penjelasan dalam melaksanakan tindakan di bawah Kaedah 7.11(b).
- (d) Pusat Penjelasan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh mana-mana pihak yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah 7.11(b) dengan syarat Pusat Penjelasan telah bertindak dalam niat baik.
- (e) Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan yang sebaliknya dalam Kaedah ini, sekiranya dianggap perlu, Pusat Penjelasan boleh:
- (i) menggantung perkhidmatan dan kemudahan Transaksi Bursa SBL sepenuhnya atau sebahagiannya bagi tempoh sedemikian sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan menurut budi bicara mutlaknyanya; atau
 - (ii) menamatkan Transaksi Bursa SBL menurut mana-mana direktif atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis, dan mengarahkan selanjutnya Peminjam untuk menyerahkan semula Sekuriti Diberi Pinjam kepada Pemberi Pinjam dalam rangka masa dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

7.12 PERUNTUKAN MAKLUMAT

Peserta Bursa SBL dan Ejen Peminjaman hendaklah memberikan kepada Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti apa-apa maklumat atau Dokumen yang berkaitan dengan apa-apa Transaksi Bursa SBL sebagaimana yang dikehendaki oleh Pusat Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti dari semasa ke semasa.

7.13 PENDEDAHAN MAKLUMAT

Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan dalam Kaedah ini, Pusat Penjelasan hendaklah berhak untuk:

- (a) mendedahkan apa-apa maklumat atau untuk mengeluarkan apa-apa dokumen yang dimilikinya atau yang dikawalnya yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL apabila dikehendaki atau diminta berbuat demikian oleh Suruhanjaya Sekuriti; dan
- (b) mendedahkan apa-apa maklumat yang dimiliki atau dikawalnya kepada Suruhanjaya Sekuriti atau kakitangan Bursa lain yang diberi kuasa dengan cara memberikan kepada orang sedemikian akses kepada Sistem Bursa SBL untuk tujuan memudahkan pelaksanaan tugas dan fungsi di bawah kehendak, kaedah atau undang-undang yang relevan.

7.14 FI DAN CAJ

- (a) Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman hendaklah membayar kepada Pusat Penjelasan fi dan caj yang relevan yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan apa-apa atau semua perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL.
- (b) Pusat Penjelasan boleh, dari semasa ke semasa sekiranya dianggap perlu menurut budi bicara mutlaknya, mevariasikan atau mengubah apa-apa fi dan caj melalui pemberitahuan dalam Pekeliling SBL dan tanpa apa-apa notis selanjutnya kepada Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman.

7.15 LIABILITI

Pusat Penjelasan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan terhadap mana-mana orang bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang boleh ditanggung atau dialami oleh orang sedemikian disebabkan pelaksanaan atau pelaksanaan yang diniatkan akan apa-apa kuasa atau pelaksanaan apa-apa tugas atau fungsi yang diberikan atau dikenakan ke atas Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL yang dilaksanakan oleh Pusat Penjelasan dalam niat baik.

7.16 FORCE MAJEURE

- (a) Sekiranya Pusat Penjelasan dikehendaki menggantung operasi Sistem Bursa SBL, dan peruntukan semua perkhidmatan sampingan, dengan Rekod Pusat Penjelasan, Depositori Pusat atau Sistem Bursa SBL tidak dapat disediakan atas apa-apa sebab sekalipun, tidak boleh dicapai, lewat atau dihalang dalam apa-apa cara, Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kegagalan, halangan atau kelewatan dalam pemberian perkhidmatan atau bagi kegagalan untuk memberikan atau kelewatan dalam pelaksanaan berkesan apa-apa notis atau komunikasi daripada Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman.
- (b) Pusat Penjelasan atau pengarah, pegawai, kakitangan atau ejen tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang boleh dialami atau ditanggung oleh Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman yang timbul daripada sebab yang di luar kawalan munasabah termasuklah, tanpa had, ketentuan Tuhan atau musuh awam, tindakan pihak berkuasa awam atau tentera, malapetaka semula jadi, embargo, tindakan industri, kebakaran, banjir, kerosakan mekanikal, kegagalan komputer atau sistem atau sabotaj, kelewatan atau ketakupayaan untuk bertindak oleh mana-mana pendaftar, gangguan bekalan tenaga atau utiliti atau perkhidmatan lain, sekatan mata wang, mana-mana undang-undang, peraturan atau perintah mana-mana

kerajaan, pihak berkuasa berwibawa atau mana-mana mahkamah atau tribunal, peperangan atau keganasan.

7.17 TANGGUNG RUGI OLEH EJEN PEMINJAMAN

Setiap Peserta Penjelasan hendaklah bertanggungjawab terhadap operasi dan fungsi sendiri sebagai Ejen Peminjaman yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kaedah ini, Pekeliling SBL atau selainnya dan mesti menanggung rugi sepenuhnya dan terus menanggung rugi Pusat Penjelasan, sama ada tanggung rugi sedemikian dituntut oleh Pusat Penjelasan semasa atau selepas penamatan tempoh Peserta Penjelasan sebagai Ejen Peminjaman bagi apa-apa kerugian, kos guaman (termasuklah kos guaman pihak ketiga), ganti rugi atau liabiliti yang dialami atau ditanggung oleh Pusat Penjelasan, sama ada secara langsung atau sebaliknya, disebabkan apa-apa kecuaiian, peninggalan, kesilapan, salah tafsiran, penipuan atau kesilapan di pihak Peserta Penjelasan, pekerja atau ejennya, dengan sentiasa menjadi syarat bahawa tindakan atau peninggalan sedemikian dilakukan semasa tempohnya sebagai Ejen Peminjaman.

7.18 TANGGUNG RUGI OLEH PESERTA BURSA SBL

Peserta Bursa SBL hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan terus menanggung rugi Pusat Penjelasan, daripada dan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, tuntutan, liabiliti, kos atau perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada kos guaman berasaskan peguam dan pelanggan) yang dialami atau ditanggung oleh Pusat Penjelasan, sama ada secara langsung atau tak langsung, bagi, disebabkan, atau yang berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan, apa-apa pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat oleh Pusat Penjelasan, yang berkaitan dengan pelepasan atau pelaksanaan akan pelepasan yang dihasratkan atau pelepasan apa-apa tugas dan fungsi di bawah Kaedah ini, atau dalam menguatkuasakan atau menguatkuasakan apa-apa kuasa yang diniatkan di bawah Kaedah ini termasuklah tanpa menghadkan keluasan makan yang dinyatakan sebelum ini, apa-apa kerugian, ganti rugi, tuntutan, liabiliti, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung disebabkan tindakan, pernyataan atau peninggalan Pusat Penjelasan dalam penyerahan atau penyerahan semula Sekuriti Diberi Pinjam yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL, dengan tindakan, pernyataan atau peninggalan dilakukan dengan niat baik. Obligasi untuk menanggung rugi Pusat Penjelasan hendaklah mengatasi penamatan Transaksi Bursa SBL.

7.19 KAEDAH-KAEDAH PUSAT PENJELASAN ADALAH MENDAHULUI

Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman hendaklah memastikan bahawa peruntukan perjanjian yang diikat dalam kalangan Peserta Bursa SBL dengan Ejen Peminjaman tidak seharusnya dalam apa-apa cara pun tidak tekal dengan mana-mana Kaedah atau kehendak yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan atau peruntukan perjanjian yang diikat antara Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman dengan Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi Bursa SBL ("Kaedah-Kaedah Pusat Penjelasan"), dengan Peserta Bursa SBL atau Ejen Peminjaman mesti menguatkuasakan Kaedah-Kaedah Pusat Penjelasan.

LAMPIRAN 1

Kepada:

Bursa Malaysia Sekuriti Clearing Sdn. Bhd.,
Dataran Bursa,
Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur.

PEMATUHAN TERHADAP KEHENDAK YANG DIKENAKAN OLEH BURSA MALAYSIA SECURITIES CLEARING SDN. BHD. ("BURSA PENJELASAN") YANG BERKAITAN DENGAN EJEN PEMINJAMAN

Menurut kehendak Kaedah 7.7(a) bagi Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Sekuriti Clearing Sdn. Bhd. ("Kaedah-Kaedah Bursa Penjelasan"), kami [nama Peserta Penjelasan yang digunakan sebagai Ejen Peminjaman] dengan ini mengisytiharkan dan mengaku janji seperti yang berikut:

- (1) kami akan memberikan kepada Bursa Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, apabila diminta, apa-apa maklumat atau dokumen berkaitan dengan SBL yang dikehendaki oleh Bursa Penjelasan atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, bersangkutan dengan Peserta Peminjaman atau Pemberi Pinjam, yang bagi pihaknya kami bertindak;
- (2) kami telah menggubal satu set Garis Panduan Dalamam untuk Bertindak sebagai Ejen Peminjaman yang telah diluluskan oleh lembaga pengarah kami;
- (3) Garis Panduan untuk Bertindak sebagai Ejen Peminjaman telah dikemukakan untuk perhatian kakitangan yang relevan yang telah membaca dan memahami kandungannya;
- (4) Garis Panduan untuk Bertindak sebagai Ejen Peminjaman mematuhi kehendak yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Bursa Penjelasan; dan
- (5) semua sistem dan prasarana yang relevan termasuklah sistem pejabat hadapan dan/atau belakang telah disahkan dan dinilai dari segi keupayaan aplikasi dan juga perisian dan perkakasan serta disahkan beroperasi dan mempunyai semua fungsi, kehendak dan kawalan untuk tujuan menjalankan aktiviti sebagai Ejen Peminjaman menurut Kaedah atau direktif, pekeliling atau arahan Bursa Penjelasan, Bursa SBL (Terma dan Syarat bagi Peserta Peminjaman dan Pemberi Pinjam) yang dikeluarkan oleh Bursa Penjelasan.

Bertarikh pada hari bulan [] bulan [] [].

Ditandatangani oleh []

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN 2

Perkara-perkara yang mesti terkandung dalam perjanjian bertulis antara Ejen Peminjaman dengan Peserta Peminjaman/Pemberi Pinjam
(Kaedah 7.7(f))

- (1) Ejen Peminjaman ialah Ejen bagi Peserta Peminjaman/Pemberi Pinjam dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan dalam Kaedah ini atau mana-mana kehendak, direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Bursa SBL;
- (2) Fungsi dan tanggungjawab Ejen Peminjaman yang ditetapkan dalam Kaedah ini atau mana-mana kehendak, direktif, pekeliling, atau arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Bursa SBL, sebagaimana yang sama boleh diubah, dipinda, atau divariasikan dari semasa ke semasa; dan
- (3) Ejen Peminjaman hendaklah mematuhi obligasi yang dikenakan ke atas Ejen Peminjaman, sebagaimana yang terkandung dalam Syarat SBL dan Kaedah ini.

[Lampiran Tamat]